



PERCUMA 9 - 16 November 2012, 24 Zulhijjah 1433 - 2 Muharram 1434

KASE bela pengguna SKVE disaman AES

muka 4

Dana untuk PWB akan ditingkatkan

muka 14

Masalah 10 tahun penduduk Lestari Perdana selesai

muka 6



Kerajaan Negeri sedia pelan tindakan banjir



Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Rakyat Selangor, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan rendah dan berhampiran dengan sungai, perlu bersiap sedia pada setiap masa mulai sekarang untuk menghadapi banjir.

Mengikut ramalan kaji cuaca, hujan lebat dijangka turun di semua daerah dalam tempoh dua minggu ini dan musim tengkujuh akan berlarutan hingga ke bulan Mac tahun depan.

Keadaan cuaca ini juga mendorong kerajaan Selangor untuk bersiap sedia dengan pelan tindakan bagi menyelamatkan mereka yang perlu dipindahkan dan bantuan kecemasan untuk mereka yang terpaksa menetap di pusat pemindahan.

Setakat ini, 157 pusat pemindahan banjir disediakan di daerah-daerah yang sering banjir seperti Shah Alam (67 pusat), Klang (47), Kuala Selangor (34) dan Sepang (sembilan).

lihat muka 2

KASIH AYAH... Pak Yusof, penduduk Kampung Gemilang memindahkan anaknya ke kawasan selamat untuk dihantar ke sekolah selepas rumah mereka dinaiki air akibat hujan lebat berterusan selama beberapa jam. Kerajaan Selangor menyediakan 157 pusat pemindahan di seluruh negeri bagi daerah yang terbabat dalam kejadian banjir.

NOMBOR HOTLINE PUSAT BILIK GERAKAN BANJIR

Shah Alam	03-55105811
Klang	1800-88-23826 03-3371 4404
Kuala Selangor	03-3289 7241 03-32898636
Selangor	03-8706 1211 03-87064896
Kuala Langat	03-3187 2825
Selayang/ Gombak	03-6131 1061 03-6126 1406 019-2717758 016-3333758



PERINGATAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA KEPADA PENDUDUK KAWASAN BANJIR

- 1 Simpan semua dokumen penting di dalam bekas/ beg/ fail di tempat yang tinggi dan mudah diambil sekiranya perlu berpindah ke pusat pemindahan
- 2 Dapatkan maklumat terkini cuaca dan situasi banjir melalui saluran radio, televisyen dan Internet
- 3 Apabila berlaku banjir, segera berpindah (ke pusat pemindahan/ rumah saudara lain/tempat tinggi) seperti yang diarahkan pihak berkuasa
- 4 Jika terperangkap dalam banjir, hubungi pihak berkuasa untuk bantuan dengan melaporkan keadaan dan kedudukan anda
- 5 Awasi kanak-kanak dan jangan biarkan mereka bermain di kawasan banjir atau di tepi sungai/ parit/ longkang/ saluran air yang deras
- 6 Sentiasa peka dengan amaran banjir daripada pihak berkuasa



Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sudah mengarahkan Pejabat Daerah untuk mengenal pasti mangsa yang layak menerima bantuan mangsa banjir yang melanda beberapa kawasan baru-baru ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, jumlah peruntukan untuk mangsa bencana itu akan diumumkan kelak.

"Setakat ini, Pejabat Daerah sudah mengenal pasti mangsa itu dan peruntukan bantuan itu akan disalurkan dalam masa terdekat ini," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di Bangunan SUK, di sini.

Abdul Khalid menambah, Kerajaan Negeri sudah memanggil pihak perancang bandar dan wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri untuk menjalankan beberapa perancangan untuk menangani masalah itu.

Katanya, pelan tindakan itu merangkumi tiga kategori, antaranya tempoh jangka masa pendek dan sederhana, serta jangka masa panjang.

"Kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang berkemungkinan akan berlaku banjir, pegawai daerah bersama beberapa jabatan lain turut ditugaskan

Pejabat daerah kenal pasti mangsa banjir

Kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang berkemungkinan akan berlaku banjir, pegawai daerah bersama beberapa jabatan lain ditugaskan untuk mengadakan mesyuarat setiap minggu untuk menjalankan kajian berhubung pelan tindakan itu

- ABDUL KHALID
Menteri Besar

untuk mengadakan mesyuarat setiap minggu untuk menjalankan kajian berhubung pelan tindakan itu," katanya.



PRIHATIN... Skuad Komunikasi Selangor turun padang memberikan bantuan kepada mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Bukit Changgang, Dengkil

Ia termasuk langkah yang akan dilakukan sekiranya banjir berlaku, kelulusan pelan pembangunan yang akan dilakukan dan pelan jangka masa

panjang yang melibatkan pelepasan sungai, saliran dan pembinaan takungan air.

Baru-baru ini, lebih 1,000 penduduk di sekitar Sepang,

Klang dan Kuala Langat dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir yang disediakan, ekoran tempat tinggal mereka yang dinaiki air.

dari muka depan

Berjaga-jaga hadapi banjir

Kerajaan Selangor juga menyediakan RM10 juta daripada tabung bencana alam bagi membantu mangsa banjir.

Oleh itu, Exco Selangor Dr Xavier Jayakumar mengingatkan mereka yang menetap di kawasan yang sering banjir untuk membuat persediaan seperti mengumpul dokumen-dokumen penting dan menyimpan di kawasan selamat.

"Dokumen-dokumen penting perlu diletakkan di kawasan selamat dan mendengar arahan pihak berkuasa jika diarahkan untuk berpindah ke kawasan lebih selamat," ujarnya.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohammed Khusrin Munawi meminta penduduk di kawasan seperti Sepang, Kuala Langat, Padang Jawa, Jalan Kebun supaya peka dengan sebarang

perkembangan cuaca.

"Kalau mengikut jangkaan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) ada lagi 800 milimeter hujan yang akan turun di Selangor," katanya.

Xavier, yang memegang portfolio Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, berkata, rondaan keselamatan akan diadakan di kawasan-kawasan yang menghadapi banjir.

"Di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri, kita sudah meluluskan peruntukan untuk membeli pam-pam air untuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Selangor yang akan digunakan di kawasan tertentu.

"Kita sudah bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan banjir ekoran cuaca tidak menentu mutakhir ini," kata Dr Xavier ketika dihubungi.

Tiada permohonan buka kilang ditolak

SHAH ALAM - Dakwaan terdapat 1,000 permohonan untuk membuka kilang baru di negeri itu ditolak Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) adalah tidak berasas.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Ronnie Liu berkata, hasil penemuan dan siasatan Kerajaan Negeri dengan pihak Syabas mendapati perkara itu tidak benar.

Katanya, pihak Syabas turut memaklumkan bahawa pihaknya sendiri tidak mengetahui dari mana maklumat itu diperolehi.

"Kita sudah semak dengan Syabas dalam mesyuarat. Perkara itu tidak benar," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco di Bangunan SUK, di sini.

Sebelum ini, Pengerusi Gerakan Prihatin Rakyat Se-



Kita sudah semak dengan Syabas dalam mesyuarat. Perkara itu tidak benar

- RONNIE LIU
Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan

langor (GPRS), Datuk Sohaimi Shahadan mendakwa lebih 1,000 permohonan membuka kilang baru ditolak Syabas atas alasan terdapat krisis air di Selangor.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, Kerajaan Negeri tidak akan menolak mana-mana syarikat atau pelabur baru yang mahu membuka

operasi baru di Selangor.

Malah, Kerajaan Negeri akan membantu pengusaha yang ditolak permohonan untuk membuka kilang oleh Syabas atas alasan tidak cukup bekalan air di Selangor.

Mereka disaran untuk berjumpa Majlis Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Pelaburan negeri (SSIC) serta Unit Perancang Ekonomi negeri (UPEN).

Perutusan Sambutan Deepavali Dato' Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim Pembangunan berimbang tanpa meminggirkan kaum

Sempena Hari Deepavali yang disambut penganut agama Hindu di negara ini, Kerajaan Negeri mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Selangor daripada masyarakat India kerana memberi kerjasama sepenuhnya bagi membolehkan Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir dan membawa perubahan yang bermakna di

negeri Selangor yang bertuah ini.

Mudah-mudahan, dengan pentadbiran yang telus dan adil, hasil bumi di negeri yang bertuah ini dapat dikongsi bersama rakyat Selangor daripada semua keturunan dan golongan.

Hari Deepavali atau dikenali sebagai pesta cahaya merupakan sambutan hari ke-14 dalam kalendar Tamil ia juga sebagai simbolik di mana ke-

jayaan mengatasi kejahatan mengikut kepercayaan agama Hindu.

Sehubungan ini, Kerajaan Negeri sekarang percaya bahawa peningkatan taraf hidup rakyat perlu dilakukan secara menyeluruh tanpa meminggirkan ataupun menidakkan hak golongan atau kaum-kaum tertentu. Hanya dengan pembangunan yang berimbang, keharmonian pelbagai kaum dan agama dapat diwujudkan dan dinikmati bersama.

Kerajaan Negeri kini yang diterajui Pakatan Rakyat komited mengamalkan pendekatan lebih terbuka terhadap semua agama dan budaya rakyat pelbagai kaum termasuk masyarakat India.

Bahkan, Kerajaan Negeri memperuntukkan dana dan tapak tanah untuk tujuan mendirikan kuil-kuil.

Pendidikan anak-anak

Saya ucapkan 'Selamat Menyambut Hari Deepavali' kepada semua lapisan masyarakat India di negeri Selangor yang beragama Hindu

dalam kalangan masyarakat India juga diberikan bantuan yang wajar dengan peruntukan berjumlah RM4 juta saban tahun bagi meningkatkan mutu pendidikan dan menambah baik infrastruktur sekolah.

Belia-belia India dan anak-anak pekerja ladang diberi pendedahan dengan pelbagai latihan dan kursus kemahiran yang dapat mengubah taraf hidup mereka. Para usahawan daripada kaum

India pula diketengahkan dan diberi bantuan untuk melebarkan aktiviti masing-masing.

Pendek kata, golongan miskin dan berpendapatan kurang RM1500 sebulan terus dibantu meringankan beban diri dan keluarga bagi membolehkan mereka keluar daripada belenggu kemiskinan.

Tidak dilupa golongan warga usia emas, apabila Kerajaan Negeri sekarang melancarkan Program Jom Shopping bagi membolehkan golongan ini berbelanja dengan ditemani sendiri oleh wakil-wakil rakyat mereka.

Akhir kata, saya ucapkan 'Selamat Menyambut Hari Deepavali' kepada semua lapisan masyarakat India di negeri Selangor yang beragama Hindu.

Terima kasih. Nandri. Deepavali Nal Valthukal.



Dua lagi loji berteknologi membran

Oleh NORHAYATI UMOR

KLANG - Kerajaan Negeri Selangor akan membuka dua lagi loji yang tidak beroperasi di Ampang dalam usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran air yang terawat kepada pengguna Lembah Klang.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, kedua-dua loji itu merupakan aset Kerajaan Negeri tetapi diabaikan seperti Loji Bukit Jelutong.

Katanya, pihaknya sudah meminta Timbalan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen), Nor Azmi Diron untuk menyelidik potensi loji-loji itu.

"Sekiranya kedua-dua loji itu berpotensi dan benar sudah tidak digunakan, saya akan berbingcang perkara ini dengan lebih lan-

jut dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

"Kita juga akan menggunakan mana-mana aset-aset ini untuk bangunan semula loji ini dengan menggunakan kaedah teknologi membran atau kaedah konservatif," katanya ketika ditemui Selangor Kini.

Baru-baru ini, Loji Perawatan Air (LPA) di Bukit Jelutong yang ditutup sejak 17 tahun lalu akan dibuka semula untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran air terawat.

Kerajaan Negeri kini dalam proses menjalankan kajian rintis bagi membolehkan loji tersebut diguna semula dan dijangka siap Jun tahun depan.

"Dalam masa kajian yang akan dilakukan, kita akan buka tender kepada mana-mana kontraktor yang berminat.

KARTUN RAKYAT



Akidah: Nurul Izzah kecewa kenyataan disalah tafsir

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar (*gambar*) melahirkan kekecewaan apabila kenyataannya berkenaan akidah umat Islam disalah tafsir oleh sesetengah pihak.

Dalam satu kenyataan media, Izzah menegaskan beliau sentiasa mendukung program pendidikan dan dakwah untuk memperkukuhkan akidah dan meningkatkan kefahaman ter-

hadap Islam.

Beliau melahirkan kekesalan kerana terdapat usaha pihak tertentu yang cuba memutarbelitkan kenyataannya seolah-olah dia meremehkan soal akidah atau mudah menerima umat Islam yang memilih untuk murtad.

Dalam satu sesi soal jawab, apabila ditanya berkenaan isu paksaan dalam agama melibatkan masyarakat Melayu. Jawapan saya menegaskan, "Tidak ada

paksaan dalam agama (Islam)...." - daripada ayat suci al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 256. Ungkapan ini merangkumi seluruh umat manusia.

"Namun ditambah, saya berpegang pada pendirian umum sedia ada, iaitu setelah memeluk Islam, seorang Muslim tertakluk dengan syariat Islam; sebagaimana seorang warganegara tertakluk dengan Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Beliau menjawab soalan ini sebagai seorang panelis di forum bertajuk, 'Islamic State: Which version? Whose responsibility?' di sini, baru-baru ini.

Nurul Izzah menambah, dia berdo'a agar Allah SWT memberi petunjuk dan hidayah kepada semua demi kesejahteraan bersama. Beliau juga memaklumkan bersedia menemui Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) jika dipanggil berbuat demikian.



Rafizi terus bongkar skandal RM40 juta Umno Sabah

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

PUTRAJAYA - Walaupun berdepan dengan kemungkinan disaman, Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli (*gambar*) bersedia terus membongkar skandal RM40 juta yang didakwa melibatkan Datuk Seri Nazri Aziz, Datuk Seri Musa Aman dan Michael Chia.

Rafizi berkata, beliau akan terus mencari bukti bagi mengaitkan penglibatan ketiga-tiga individu ini walaupun laporan mengenainya sudah diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Saya sedar bahawa SPRM akan menuntut saya supaya berhenti membuat sebarang kenyataan sementara siasatan sedang dilakukan namun jika saya menemui beberapa bukti baru, saya akan terus mendedahkannya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita sebelum menyerahkan laporan mengenai ketiga-tiga individu terbabit di hadapan bangunan SPRM di Putrajaya.

Dalam pada itu, kandungan laporan itu meminta SPRM supaya membuka fail siasatan di bawah Akta SPRM 2009, Bahagian IV (Kesalahan dan Penalti)

Seksyen 16 (a), iaitu pelakuan rasuah dikira berlaku walaupun suapan itu diterima oleh orang lain dan manfaatnya dinikmati orang lain.

Terdahulu, Nazri yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap SPRM, Parlimen dan undang-undang membuat kenyataan bahawa tiada sebarang unsur rasuah bagi mengaitkan wang RM40 juta melibatkan jutawan balak Michael Chia kepada Umno Sabah.

Nazri dikaitkan memiliki hubungan rapat dengan Michael Chia kerana anaknya Nedim Nazri menggunakan sebuah kereta mewah jenis Hummer yang didakwa dimiliki jutawan balak itu.

Menurut Rafizi, kenyataan Nazri menimbulkan tanda tanya kerana bersungguh-sungguh mempertahankan Musa Aman yang juga Ketua Menteri Sabah dan membersihkan nama Michael Chia daripada sebarang dakwaan.

Selain itu, Rafizi akan mencari bukti-bukti berhubung skandal itu dengan menemui beberapa pihak berkaitan di Hong Kong, termasuk mengadakan perjumpaan bersama Independent Commission Against Corruption Hong Kong (ICAC) pada minggu hadapan.



Pengerusi Jawatankuasa Kase, Mahfuz Omar, sewaktu sidang media AES di lobi Parlimen

KASE bela pengguna SKVE disaman AES

KUALA LUMPUR - Pengguna lebuhraya di KM6.6 jalan Kajang-Puchong SKVE yang menerima notis saman Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) diminta menghantar butiran saman kepada Kempen Anti Saman Ekor (Kase).

Ini kerana, butiran had kelajuan pada notis yang dikeluarkan bercanggah dengan had yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti dipaparkan di laman web rasmi mereka.

Penasihat Perundangan Kase, Zulhazmi Shariff berkata, terdapat pengurangan had laju kepada 80 kilometer sejam (km/j) di kawasan berkenaan sedangkan had kelajuan yang ditetapkan adalah 90 kilometer sejam.

Namun, berdasarkan aduan yang diterima, terdapat pe-

mandu yang disaman pada kelajuan 91km/j, walhal Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JPJ, Jaafar Mohamed dalam kenyataan di New Sunday Times berkata, terdapat kelonggaran had kelajuan (buffer) 10km/j pada setiap kamera AES mengikut setiap had laju yang ditetapkan.

"Saman yang dikeluarkan 80km/j, ini bukan buffer tapi pengurangan had kelajuan.

"Buffer patut jika had kelajuan 90km/j, dijanjak kepada 100km/j. Saman bermula pada kelajuan 101km/j. Di mana buffer?" soal Zulhazmi.

Jelasnya lagi, kekeliruan turut berlaku terhadap lokasi mahkamah kerana penerima notis berkenaan diarahkan ke Majistret Kajang sedangkan berdasarkan paparan JPJ sepatutnya dirujuk kepada Majis-

tret Sepang.

Justeru, Kase mendesak semua saman tersebut ditarik balik dan saman yang dibayar dipulangkan kembali atau JPJ sendiri akan berhadapan saman balas atas kecuaiannya mereka.

Beliau turut membangkitkan keadaan paparan gambar yang disertakan pada notis saman AES yang tidak menyatakan butiran had laju berbanding dengan notis saman yang dikeluarkan oleh polis trafik.

Setakat ini, lebih 20 orang pengadu mengemukakan aduan saman di kawasan berkenaan.

Mereka yang ingin berbuat demikian boleh menghantar butiran melalui emel kempenantisamanekor@gmail.com.

'Charade of Justice' kupas kepincangan kehakiman negara

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Pawancheek Marican, bekas peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil kembali dengan buku terbaru berjudul 'Charade Of Justice, Anwar's Third Trial'.

Buku ini memaparkan kisah perbicaraan kes-kes mahkamah Anwar sejak 1998 dan analisa yang diutarakan oleh peguam dan kenyataan hakim.

Berhalaman 200 muka surat, buku ini merupakan sambungan daripada buku pertamanya berjudul 'Charade Of Justice, Anwar's Trial' yang diterbitkan dua tahun lalu dan terjual sebanyak 6,000 naskah.

Pawancheek merupakan salah seorang peguam yang terlibat dalam kes mahkamah Anwar pada tahun 1998 dan 1999.

Pawancheek berkata, beliau 'terpaksa' menulis mengenai apa sebenarnya yang berlaku supaya generasi masa depan dapat mengetahui perkara sebenar yang berlaku.

"Kita mesti rekod apa yang

dikatakan, sebab dalam Internet ada orang yang dapat, ada yang tidak dapat. Bahan-bahan kadang-kadang dicampur aduk. Buku lagi senang untuk kita kekalkan apa yang berlaku.

"Ia tiada beza dengan buku pertama, cuma kes dalam buku pertama, Anwar kalah di mahkamah.

"Kini untuk kes dalam buku ini, Anwar menang, contohnya kes yang melibatkan Saiful (Bukhari Azlan)," katanya ketika ditemui selepas perhelatan buku itu oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Quality Hotel.

Hadir sama, Anwar dan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Jelasnya, buku itu diterbitkan untuk mengajar dan mendidik masyarakat mengenai keadilan dan perjalanan sistem kehakiman negara.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau berasa bangga kerana Pawancheek bukan sahaja menulis sebagai peguam, tetapi juga sebagai pemerhati



LANCAR... Charade Of Justice, mengajar dan mendidik manusia mengenai keadilan

dari dekat.

"Apa yang unik mengenai buku ini, ia dapat meninjau persekitaran mahkamah. Saya harap bila kerajaan bertukar dalam pilihan raya depan, sistem kehakiman juga akan turut diperbaiki," katanya.

Buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris itu berharga RM 30 senaskah dan boleh didapati di kedai-kedai buku terpilih.

Kenyataan mengelirukan, Kohilan perlu letak jawatan

SHAH ALAM - Senator A Kohilan Pillay didesak supaya menarik semula kenyataan beliau sebelum ini yang mendakwa kononnya Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor bertanggungjawab meluluskan projek kondominium berhadapan kuil Batu Caves yang dirancang sejak tahun 2007.

Ahli Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Lee Khai Loon ketika dihubungi berkata, Kohilan juga perlu mengemukakan permohonan maaf secara terbuka kepada Kerajaan Negeri kerana mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan.

"Beliau (Kohilan) juga perlu melepaskan jawatannya sebagai Timbalan Menteri Luar Negeri atas kenyataannya yang tidak berasas berhubung pembinaan kondominium ini. Saya sarankan beliau tarik semula kenyataan, buat permohonan maaf dan letak jawatan," katanya.

Akhbar The Sun melaporkan projek kondominium di Batu Caves itu disokong oleh ahli majlis dari MIC berdasarkan minit

Kohilan tidak boleh melepaskan diri dari tanggungjawabnya, Pada waktu itu dia merupakan salah seorang Ahli MPS

- LEE KHAI LOON
Ahli Majlis MPS

mesyuarat MPS pada 29 November 2007.

Dakwa laporan itu, antara ahli MPS yang menyokong cadangan pembinaan kondominium itu ialah Kohilan yang menjadi Ahli Majlis dari parti Gerakan.

Turut menyokong adalah tiga wakil MIC dalam MPS iaitu Rajakupal Sinarthamby, Jayakumar Govindasamy dan Rajadran Muniandy.

Minit itu juga mendedahkan bahawa kebenaran diberikan kepada pembinaan 18 unit rumah kedai tiga tingkat dan dua bangunan menara, satu 25 tingkat dan satu lagi 29 tingkat.



SIAP SIAGA... billboard dan poster kempen Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU) dengan tema 'Pakatan Harapan Rakyat', dilancarkan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di pekarangan Ibu Pejabat PKR, di Merchant Square Tropicana. Untuk fasa pertama, sebanyak 10 billboard diperkenalkan dan fasa seterusnya akan diperkenalkan sehingga menjelang PRU-13

Masalah 10 tahun penduduk Lestari Perdana selesai

Oleh HAFIZAN TAIB

SUBANG JAYA - Sekumpulan 129 pemilik rumah di Lestari Perdana bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang berjaya menyelesaikan masalah hak milik tanah yang berlanjutan lebih 10 tahun.

Sebelum ini penduduk memaklumkan mereka menghadapi masalah berurusan dengan pihak tertentu seperti institusi kewangan kerana tidak memiliki geran tanah.

Masalah timbul selepas pemaju perumahan gagal membayar premium tanah kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Pekerja Swasta, Abdul Ghani Saari, 45, dari Zon 9 berkata ke-



Abdul Ghani Saari



Yusman Jusof

tiadaan geran tanah mencatatkan pembangunan di perumahan tersebut.

“Memang banyak masalah dari segi kebersihan, kemudahan infrastruktur serta landskap.

“Sebelum ini kami sudah membayar (premium) kepada pemaju dan dia kata akan serahkan surat hak milik ini kepada kami, tetapi selepas itu senyap sebegitu sahaja,” kata Abdul Ghani yang menetap di situ selama 10 tahun.

“Apa dilakukan Kerajaan Negeri ini bagus dan terima kasih,” katanya kepada Selangor Kini selepas menerima surat hak milik daripada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Abdul Khalid menyerahkan dokumen hak milik kepada pembeli rumah teres Zon 6, 7 dan 9 Lestari Perdana di satu majlis di Dewan MPSJ.

Pengurus projek, Yusman Jusof, 40, dari Zon 6 yang menetap di situ kira-kira lapan tahun berkata, dia menghadapi masalah mendapat pinjaman bank kerana tidak ada surat hak milik.

“Satu usaha yang bagus dari pada Kerajaan Negeri bagi menjaga hak dan kepentingan pemilik rumah,” katanya.

129 pemilik rumah itu adalah daripada jumlah keseluruhan 303 orang yang membayar premium RM1,460 seperti ditetapkan pihak berkuasa negeri.

Abdul Khalid dalam sidang media selepas itu menjelaskan masalah itu kerana pemaju Fast Creasent Sdn Bhd (Fast Creasent) gagal membayar premium sebanyak RM12.19 juta mengikut nilai tanah pada 2002.



Menteri Besar bersama Yang Dipertua MPSJ, Asmawi Kasbi, meneliti dokumen hak milik rumah Lestari Perdana sebelum diserahkan kepada penerima

“Pemaju tidak menjalankan tanggungjawab dengan tidak membayar premium.

“Mereka bersetuju dengan cara dikendalikan (Kerajaan Negeri), iaitu mereka menyerahkan tanah kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri mengembalikan hartanah me-

reka dalam bentuk geran,” katanya.

Abdul Khalid berkata, masalah berlaku kerana Kerajaan Umno-BN dahulu tidak mengikut peraturan dan undang-undang ditetapkan Kanun Tanah Negara.

“Inilah buktinya (bekas Men-

teri Besar) Khir Toyo tidak menjalankan tugasnya.

“Oleh sebab itu terdapat keadaan di mana akhirnya Pejabat Tanah dan Galian serta Pihak Berkuasa Tempatan menghadapi masalah untuk menyelesaikannya termasuk urusan pemilikan tanah,” katanya.

MB buktikan Selangor lebih maju di bawah Pakatan Rakyat

SUBANG JAYA - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akan membuktikan kepada umum bahawa Selangor lebih maju berbanding era BN dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) minggu depan.

Perkembangan di Selangor ketika ini jauh lebih baik berbanding era Umno-BN terutama dari segi pencapaian ekonomi hingga muncul sebagai negeri utama dengan sumbangan terbesar kepada hasil pendapatan negara.

Selangor di bawah Pakatan Rakyat (PR) kini menyumbang 23 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Tetapi di bawah Khir Toyo, jumlah itu

tidak sampai 20 peratus.

“Saya akan bantangkan pembangunan dari 2005 sampai 2007 (era Umno-BN) dan 2008 sampai 2012 (era PR) dalam Dewan Negeri Selangor untuk pengetahuan semua.

“Saya tak nak mengadakan perbincangan di kedai kopi tetapi saya akan bantangkan perangkaan sejak ia diumumkan sebagai negeri maju pada 2005.

“Saya rasa pencapaian sekarang lebih baik berbanding pada 2005,” katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Hakmilik Kepada Pembeli Rumah Teres Lestari Perdana di sini.

Bekas Menteri Besar, Dr Mo-

hammad Khir Toyo mencabar Kerajaan Negeri membuat penilaian petunjuk status negeri maju serta menjawab dakwaan Gerakan Prihatin Rakyat Selangor (GPRS) bahawa Selangor akan hilang status negeri maju jika gagal menyelesaikan masalah air.

Kerajaan Umno-BN dahulu mengumumkan bahawa Selangor mencapai status negeri maju pada tahun 2005.

Abdul Khalid berkata, pencapaian Selangor ditadbir Umno-BN pada 2005 hingga 2007 lebih teruk jika dibanding pada 2008 hingga kini semasa PR dan berharap pemimpin Umno-BN tidak membuka ‘pekung di dada.’

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'za Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir **PENGARANG BERITA:** Najib Hashim
PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim
WARTAWAN: Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,
No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

PKNS jamin kebajikan peniaga

SHAH ALAM - Peniaga di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dinasihatkan tidak bimbang terhadap penstrukturan semula aset perbadanan itu.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Ibrahim berkata, sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin, PKNS sentiasa memastikan kebajikan para peniaga dan penyewa di premis itu dilindungi.

Sehubungan itu katanya, peniaga tidak perlu khuatir berhubung dakwaan yang mengatakan kemungkinan mereka akan diusir dari premis perniagaan itu sekiranya ia diambil alih pihak lain.

"Kita memberi jaminan bahawa kedua-dua peniaga sebagai penyewa dan PKNS sebagai pemegang aset bakal berdepan dengan situasi

menang-menang (win-win situation). Tidak timbul isu penindasan mahupun membela-kangkan peniaga di premis itu," katanya kepada Selangor Kini.

Tambahnya, PKNS percaya dengan adanya kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur, ditambah usaha giat mempromosikan bangunan tersebut, peniaga mampu menjual produk dengan baik dan menjelaskan sewaan bulanan dengan teratur.

Sebelum ini, lebih 200 peniaga di Kompleks PKNS di sini melahirkan rasa bimbang kemungkinan mereka diusir dari premis perniagaan itu jika ia diambil alih pihak lain.



Kompleks PKNS jadi tumpuan warga Shah Alam tiap kali tibanya musim perayaan

Notis tuntutan Utusan Malaysia mohon maaf

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengemukakan notis tuntutan terhadap Utusan Malaysia dan penulis ruangan 'Cuit' akhbar itu, Zaini Hassan, berhubung artikel yang berunsurkan fitnah terhadap pemaju hartanah itu.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, artikel yang disiarkan dengan tajuk 'Jual aset PKNS: Sultan Selangor murka?' bertarikh 31 Oktober 2012, seolah-olah memberi gambaran yang PKNS terlibat dalam amalan bisnes yang tidak sah, terlibat dengan kesalahan jenayah, tidak jujur, korup dan tidak beretika.

Beliau berkata, penyiaran artikel berkenaan juga memberi gambaran seolah-olah PKNS mengkhianati kepercayaan yang diberikan rakyat Selangor.

"Kenyataan yang dikeluarkan adalah salah, berniat jahat dan ditulis semberono tanpa usul periksa dengan tujuan tertentu," katanya.

PKNS menuntut Utusan Malaysia dan Zaini mengeluarkan artikel berkenaan dari siaran, dan mengemukakan permohonan maaf kepada PKNS di akhbar atau

media yang dipilih PKNS.

Akhbar tersebut dan Zaini harus memberi akujanji untuk tidak akan mengulangi sebarang kenyataan yang mengandungi unsur fitnah, hasutan dan umpamanya.

"Selain tuntutan ganti rugi, PKNS tidak akan teragak-agak untuk meneruskan

Selain tuntutan ganti rugi, PKNS tidak akan teragak-agak untuk meneruskan tindakan undang-undang sekiranya maklumbalas yang diterima oleh pihak yang dituntut tidak memuaskan

- ISHAK HASHIM
Pengurus Perhubungan Awam PKNS

tindakan undang-undang sekiranya maklum balas yang diterima oleh pihak yang dituntut tidak memuaskan," katanya dalam satu kenyataan media.

Artikel itu mendakwa PKNS dan Kerajaan Selangor akan menjual lima aset PKNS iaitu Kompleks PKNS Shah Alam dengan harga RM 85 juta, Menara PKNS Petaling Jaya (RM90 juta), Shah Alam Convention Centre (RM97 juta), Kompleks PKNS Bangi (RM42 juta) dan Wisma Yakin (RM7 juta).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan PKNS menegaskan bahawa semua aset ini tidak akan dijual kepada mana-mana pihak.

Sebaliknya bangunan tersebut dipindah milik kepada anak syarikatnya milik penuh PKNS, iaitu Private Real Estate Company (PREC) bagi meningkatkan pengurusan aset tersebut.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

PROGRAM "FAST-TRACK" SPM PELAJAR TAHFIZ

ANJURAN YAYASAN PENDIDIKAN ISLAM SELANGOR (YAPIS) DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

KEMASUKAN 05 JANUARI 2013

Program peralihan untuk pelajar aliran Tahfiz memasuki program profesional di UNISEL anjuran YAPIS - UNISEL dengan mengikuti kelas intensif SPM 2013.

1 Syarat Kelayakan

- > Pelajar Tahfiz dengan hafalan minimum 10 Juzuk.
- > Berumur 18 tahun ke atas atau memiliki sijil PMR
- > Mempunyai kemahiran 5M (Membaca, Menulis, Mengira, Menghafal & Memikir)
- > Keutamaan kepada pelajar Hafiz 30 Juzuk dengan Sijil Syahadah/ Khatam

2 Cara Memohon

- > Muat turun borang permohonan di www.unisel.edu.my atau lengkapkan borang permohonan di bawah dan hantar ke alamat:

2 Sekretariat Program Fast-Track SPM
Asrama UNISEL Kota Puteri
No. 2, Jalan Kota Puteri 5/10A
Seksyen 5, Kota Puteri
48100 Batu Arang, Selangor Darul Ehsan

3 Keterangan Lanjut

- > Layari laman web UNISEL di www.unisel.edu.my atau hubungi:
- 2 Encik Nurdin bin Darman 03-32805140 / 013-8814378
- 2 Encik Ahmaddin bin Abdul Rashid 03-60351237 / 013-2103822

Tarikh Tutup Permohonan : 30 Nov 2012
(Pemohon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga pada 1 - 15 Disember 2012)

BORANG PERMOHONAN

Nama:

Alamat:

No. K/P: No. Tel:

Jantina: E-mel:

(KPT/JPT/DFT/US/B06) | (KPT/SP/PTS/DFT/US/B18)



PBT Zon 16 MDKL dengan kerjasama Rejimen TUDM Jugra (ATM) melaksanakan program belajar menembak baru-baru ini di lapang sasar TUDM di Batu Hampar JUGRA. Majlis penutup disempurnakan Dr Yunus Hairi, selaku Exco Belia dan Sukan Negeri Selangor



Dr Halimah Ali melancarkan program kitar semula sisa minyak masak anjuran Pusat Wanita Berdaya, DUN Selat Kelang dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan syarikat kilang biodiesel



PENYAYANG... Puan Sri Salbiah Tunut memeluk salah seorang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Program Perlindungan Alam Sekitar, 'Cintailah Bumi Kita'. Program anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kundang itu bertujuan bagi membentuk kesedaran memelihara alam sekitar bagi kanak-kanak pada usia 7-12 tahun



JUARA... kanak-kanak Tadika Pasti ini gembira dengan medal masing-masing sewaktu Karnival Sukan Pasti 2012 cawangan Taman Desa Subang, Subang Bestari dan Seksyen U5 Shah Alam



Petugas Pusat Khidmat Masyarakat DUN Gombak Setia, dibantu oleh Unit Amal, Pemuda Gombak dan para sukarelawan melihat kawasan banjir, selain melakukan gotong-royong membersihkan rumah-rumah mangsa banjir



Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching melawat dan menyampaikan sumbangan kepada Surau Ar-Rahmahniah, Kampung Sungai Jernih yang terbakar baru-baru ini



BAKAL PEMIMPIN... Adun Meru, Dr Rani Osman, beramah mesra dengan murid-murid tadika sewaktu Majlis Konvokesyen dan Anugerah Kecemerlangan Tadika Pasti bagi DUN Meru



Isteri Adun Seri Andalas, Sheila Devaraj, menyempurnakan majlis penganugerahan sijil mereka cipta pakaian sut Punjabi, di mana setiap peserta perlu mereka pakaian masing-masing



Pusat Khidmat masyarakat DUN Hulu Kelang menjadi tuan rumah bagi majlis penyampaian bayaran Skim Mesra Usia Emas (SMUE) fasa kedua yang disampaikan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib

Oleh LIZAWATI MADFA

PUCHONG - Golongan wanita negeri ini yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga diseru segera menghubungi Pusat Khidmat Krisis Sehenti atau One Stop Crisis Centre (OSCC).

Seruan itu dibuat Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi Dr Rodziah Ismail ketika membuat lawatan ke atas mangsa kekejaman bekas suami di sebuah flat kos rendah di sini baru-baru ini.

"OSCC menyediakan khidmat bantuan professional menyeluruh kepada mangsa-mangsa

OSCC bantu mangsa dera bekas suami

keganasan.

"Yang penting, mangsa jangan takut dan malu untuk mendapatkan bantuan di OSCC kerana kita wujud untuk membantu mereka," jelas Rodziah.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu akan menyediakan pelan jangka panjang bagi membantu mangsa yang dikun-

jungi, Rasidah Mohamed, 38.

"Kita akan membantu beliau menjana pendapatan bagi menampung kehidupannya bersama lima anak.

"Memang beliau ada menerima bantuan setiap bulan namun itu masih tidak mencukupi," ujar beliau.

Selain itu, demi keselamatan mangsa dan anak-anak, Rodziah meminta agar satu Interim Protection Order (IPO) dapat dikeluarkan bagi menghalang bekas suami mendekati mangsa.

Difahamkan mangsa akan memperolehi IPO tersebut da-

lam tempoh terdekat.

Sementara itu, Rasidah yang kelihatan sebak sepanjang lawatan menyatakan rasa terima kasih atas keprihatinan yang ditunjukkan Rodziah.

"Saya sangat terharu kerana sebelum ini tiada siapa yang peduli apa yang kami anak beranak alami.

"Saya akan ambil semangat yang YB (Rodziah) berikan untuk besarkan anak-anak saya dengan baik kerana merekalah harta saya," ujar Rasidah sebak.

Ibu beranak lima ini diserang Ahad lalu oleh bekas suami ke-

rana enggan memberikan wang yang diminta lelaki tersebut.

Akibatnya, beliau ditumbuk serta diseret bekas suami dengan disaksikan anak-anak yang berusia lingkungan 15 tahun hingga dua tahun.

"Anak saya yang sulung dengan yang 12 tahun juga terkena tumbukan semasa menahan bekas suami dari terus mengasari saya, itu yang saya paling takut," jelasnya.

Dengan bantuan jiran-jiran, satu laporan polis turut dibuat di Balai Polis Bandar Puteri Ahad lalu.



SIMPATI... Rodziah memberi kata-kata semangat kepada Rasidah yang menjadi mangsa dera suami

Sesi Penerangan Hutang Talam

Sesi Penerangan Hutang Talam Sabtu - 10 Nov 2012

Dewan Auditorim MBPJ

Pembentang - YB Tony Pua

Dewan Auditorium MPAJ

Pembentang - YB William Leong

Dewan Sri Jugra, MDKL

Pembentang - Puan Faekah Husin

Dewan Sri Siantan, MDKS

Pembentang - YB Dr Dzulkefly Ahmad
Tetamu

YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim
Menteri Besar Selangor

'Ops Kolah' perangi nyamuk aedes

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan 'Direct Grant' sebanyak RM 5,000 setiap tahun kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan 'Ops Kolah' bagi memerangi nyamuk aedes.

Dalam satu Majlis Perasmian Ops Kolah peringkat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Exco Kesihatan, Dr Xavier Jayakumar berkata, usaha itu penting untuk mendidik masyarakat membersihkan kolah mandi mereka agar tidak menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

"Jika semua pihak memainkan peranan masing-masing, maka saya yakin dan percaya kita mampu mengatasi dan mencegah kes demam denggi daripada berleluasa," ujar Xavier dalam majlis yang diadakan di Flat PKNS Blok 68, Seksyen 24, di sini.

Selain itu, Xavier turut me-



Khidmat kesihatan percuma turut diberikan kepada penduduk sewaktu program Ops Kolah

nekankan agar semua pihak memberikan kerjasama dalam usaha membanteras tempat pembiakan di sekitar kawasan sekolah yang mempunyai potensi menjadi sarang pembi-

akan aedes.

"Saya harap pihak pendidikan dapat bekerjasama dengan pihak sekolah termasuk pihak PIBG (Persatuan Ibu Bapa Guru) untuk memastikan kawasan sekolah bersih dan bebas pembiakan Aedes.

"Jika didapati terdapat jentik-jentik, kita di peringkat PBT boleh mengambil tindakan menutup sekolah tersebut," tegas Xavier.

Beliau yang ditemani Timbalan Datuk Bandar, Mohtar Hani dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Zon 8, Hisham Shariman turut berkesempatan melawat dua buah rumah selain meninjau kawasan persekitaran flat tersebut.

INFO DENGGI DI SHAH ALAM

7,359 (seluruh Selangor) kes (2012)
939 kes di kawasan MBSA

Hot Spot Denggi MBSA

- Taman Karrupiah (*Padang Jawa*)
- Stesyen Mumbar Tentera Darat Kem Sungai Buloh (*Seksyen U19*)
- Pangsapuri Damai (*Seksyen U4*)
- Asrama SMK Sek 18 (*Seksyen 18B*)



Menteri Besar mengadakan perbincangan dengan delegasi Wilayah Kyiv, Ukraine, di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz

Ukraine sedia promosi Selangor

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Ukraine menyatakan kesediaan untuk mempromosikan Selangor kepada pelaburnya yang berminat terlibat dalam industri penghasilan produk berasaskan minyak sawit.

Perkara ini dinyatakan delegasi Wilayah Kyiv, Ukraine, kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika mengadakan kunjungan hormat di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz di sini.

Timbalan Ketua Pentadbir Ukraine, Yevgen A Golovin berkata, sektor pembuatan, khususnya bidang penghasilan produk-produk berasaskan minyak sawit antara sektor yang perlu ditorokai pelabur Ukraine.

“Bekalan minyak sawit yang mudah diperolehi di samping kemudahan infrastruktur serta jaringan pengangkutan darat, udara dan laut yang bertaraf antarabangsa menjadikan Selangor sebagai lokasi paling berdaya saing untuk pelabur asing,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan supaya anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor menjalinkan kerja sama dengan syarikat Ukraine dalam bidang ekonomi,

pendidikan dan kebudayaan.

“Negeri Selangor mudah memperoleh bekalan minyak sawit pada harga yang munasabah kerana Malaysia memiliki ladang kelapa sawit yang luas.

“Kemudahan ini amat sesuai untuk pelabur-pelabur Ukraine terlibat dalam sektor pembuatan berasaskan minyak sawit,” katanya.

Sementara itu, Menteri Besar berkata, selain sektor perkilangan, Selangor juga sesuai untuk pelaburan di dalam sektor perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Bekalan minyak sawit yang mudah diperolehi di samping kemudahan infrastruktur serta jaringan pengangkutan darat, udara dan laut yang bertaraf antarabangsa menjadikan Selangor sebagai lokasi paling berdaya saing untuk pelabur asing

YEVGEN A GOLOVIN
Timbalan Ketua
Pentadbir Ukraine

Baiki segera jambatan Jalan Tembusu

SHAH ALAM - Pejabat DUN Kota Damansara menggesa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk segerakan kerja-kerja membaiki jambatan Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang, yang sering runtuh kerana ia merupakan laluan utama penduduk setempat.

Setiausaha Sulit Adun Kota Damansara, Abdul Aziz Dahlan ketika dihubungi berkata, kejadian berulang kali itu menyebabkan penghuni yang tinggal di 14 rumah di situ tidak dapat membawa kenderaan keluar.

Struktur jabatan itu yang lemah juga membahayakan pejalan kaki kerana mereka dikhuatiri akan terjatuh.

“Kita masih belum dapat pastikan punca kejadian, tetapi ia kemungkinan berlaku disebabkan hakisan dan aliran air bawah atau celah jambatan yang terhakis.

“MBSA perlu segera ambil tindakan. Kita tidak mahu tunggu lagi kerana ia membabitkan keselamatan penduduk,” katanya.

Kita tidak mahu tunggu lagi kerana ia membabitkan keselamatan penduduk. Jambatan itu dilaporkan rosak sebanyak empat kali dalam tempoh dua tahun

ABD AZIZ DAHLAN
Setiausaha Sulit Adun
Kota Damansara

Tambahnya, jambatan itu dilaporkan rosak sebanyak empat kali dalam tempoh dua tahun.

Justeru, pejabat DUN akan mengadakan pertemuan bersama MBSA untuk membuat perbincangan lanjut bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

“Kalau boleh kita mahu semua perkara ini selesai hari ini juga. Kita tidak mahu dengar alasan masih dalam tender dan sebagainya. Kita mahukan penyelesaian segera.



Anak-anak asnaf ini diajar cara-cara menanam pokok bakau di Pantai Kelanang

Didik asnaf cintakan alam sekitar

BANTING - Bagi memupuk semangat cintakan alam sekitar di kalangan generasi muda, seramai 60 pelajar asnaf yang mendiami asrama pendidikan Baitul Hasanah, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dipilih untuk menyertai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berteraskan alam sekitar di Pantai Kelanang, di sini, baru-baru ini.

Sekretariat media LZS memaklumkan, program perkhemahan yang berlangsung selama dua hari dengan bertemakan ‘Kami Prihatin, Hijau Untuk Semua’ itu mendedah-

kan para pelajar mengenai isu-isu alam sekitar, khususnya kesedaran mengenai penjagaan alam sekitar.

Bagi tujuan itu katanya, sebanyak 200 anak pokok bakau disumbangkan untuk ditanam di Pantai Kelanang bagi menggalakkan aktiviti pemuliharaan ekosistem hutan bakau.

“Program ini mendapat kerjasama daripada Yayasan Anak Warisan Alam (Yawa), Majlis Daerah Kuala Langat, Jabatan Perhutanan, MAS Kargo dan Ali Bikers All Riders (Abar).

“Antara aktiviti lain yang

dianjurkan termasuk program gotong-royong mengecat serta pembersihan Surau Hajjah Fatimah, Kampung Kelanang.

“Selain itu, pihak LZS turut menyampaikan sumbangan peralatan ibadah bagi memenuhi keperluan kariah surau berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan media.

Majlis perasmian penutup disempurnakan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa dan dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohamed Izam Mohamed Yusof.

Hanya penternak 'kritikal' dipindah ke Hulu Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memaklumkan setakat ini, sudah memindahkan tujuh penternak lembu yang 'kritikal' manakala empat lagi belum dipindahkan.

11 penternak itu dikenal pasti layak dipindahkan ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Sungai Nilam, Hulu Selangor yang berkeluasan kira-kira 100 ekar.

Exco Pemodelan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan

Pembangunan Luar Bandar, Dr Yaakob Sapari berkata, pemindahan itu melibatkan 698 ekor lembu.

Katanya, daripada jumlah itu sebanyak 563 ekor sudah dipindahkan dan 135 ekor belum dipindahkan.

Penternak kritikal itu melibatkan penternak dari kawasan Shah Alam, Petaling Jaya dan Subang Jaya.

Untuk rekod, 11 penternak

itu melibatkan penternak kritikal manakala bagi kategori bermasalah melibatkan 282 penternak.

"Kita memindahkan manamana penternak yang kritikal sahaja buat masa ini, yang mana sebelum ini mereka menternak di kawasan perumahan, masjid dan kawasan yang mengganggu orang awam," katanya ketika ditemui.

Sebelum ini, kira-kira 300

penternak berdepan masalah lokasi kegiatan penternakan.

Rata-rata penternak menghadapi masalah tanah dan lokasi menjalankan penternakan berikutan majoriti daripada mereka menjalankan kegiatan ternakan di tanah rezab kerajaan, agensi lain seperti Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) serta di tanah milik pejamu.

Sebelum ini, Yaakob me-

maklumkan fasa kedua akan memindahkan kira-kira 20 penternak lagi di dua kawasan seluas 120 ekar di Sungai Gumut dan Rasah, Hulu Selangor masih dalam proses berikutan wujud beberapa halangan sebelum ini.

Dana RM400,000 disediakan untuk membina kedua-dua tempat itu dan kini dalam proses pembangunan infrastruktur.



Punca banjir di Kampung John Setia dan Kampung SC, bilamana JPP tutup sebahagian parit menyebabkan air tersekat

JPP perlu selenggara projek baiki parit di Kg Johan Setia

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) digesa memperbaiki kerja-kerja membaiki parit yang menjadi punca banjir di Kampung Johan Setia dan Kampung SC.

Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafie berkata, beberapa aduan sudah dibuat kepada pihak JPP yang berada di bawah Kementerian, tetapi tindakan susulan kerja-kerja menutup sebahagian parit masih belum dilakukan.

Ujarnya, ia menjadi punca aliran air tersekat daripada mengalir laju yang menyebabkan dua kali banjir berlaku dalam tempoh masa sebulan.

Shuhaimi berkata, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga disarankan agar memantau kerja-kerja pembersihan saluran air dengan baik dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

"Ada beberapa punca banjir

yang sudah dikenal pasti, iaitu di Sungai Aur dan saya ingin menegur pihak JPS walaupun beberapa aduan sudah dibuat ada beberapa tempat tidak diselenggara sehingga menyebabkan rumput terlalu tebal di beberapa kawasan.

"Ia menjadi penyumbang kepada berlakunya banjir yang menyebabkan air lambat untuk surut," katanya.

Ujar Shuhaimi, hujan lebih dua jam menyebabkan tujuh kawasan ditenggelami air, iaitu di Kampung Johan Setia, Kampung SC, Kampung Bukit Naga, Kampung Bukit Puteri, Kampung Baru 1, Kampung Baru 2 dan Kampung Seri Gambut.

Beliau berkata, air surut dengan agak laju kerana pihak JPS Negeri dan JPS Klang mengepam air di Kampung Johan Setia untuk memasuki sungai terdekat dan ia membantu mempercepatkan air banjir surut.

Ada beberapa tempat tidak diselenggara sehingga menyebabkan rumput terlalu tebal di beberapa kawasan. Ia menjadi penyumbang kepada berlakunya banjir yang menyebabkan air lambat untuk surut

- SHUHAIMI SHAFIEI
Adun Sri Muda

"Kita akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak terbabit dalam hal banjir ini dalam masa terdekat.

"Dan kini kita sedang menjalankan tinjauan dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak JPS bagi mengenal pasti punca banjir dan mencari jalan penyelesaian," katanya.

Status pembinaan Hospital Shah Alam diragui

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Status pembinaan hospital Shah Alam diragui apabila kontraktor Jabatan Kerja Raya (JKR) 'berjaya' melaksanakan kerja-kerja yang dijangka akan mengambil 82 hari dalam masa 30 hari sahaja.

Menurut Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad, projek tersebut lewat 33 hari dari jadual yang ditetapkan.

Bagaimanapun 30 hari kemudian, laporan terbaru projek itu menunjukkan kerja-kerja tersebut siap 19 hari lebih awal daripada jadual kemajuan yang dijangka.

"Adakah ini cuma laporan mainan sebab sukar percaya sebelumnya lewat 33 hari, tetapi dalam masa 30 hari mereka boleh siapkan 82 hari punya kerja hingga mendahu-

lui ke hadapan 19 hari.

"Adakah pembayaran 'in advance' ada dibuat untuk melancarkan projek ini setelah saya tanya sebelumnya?"

"Apa yang kita mahukan adalah status kemajuan pembinaan yang sebenar," kata Khalid dalam sidang media di pejabatnya di sini.

Sebelum ini, Khalid pernah beberapa kali mengkritik kelewatan kerja pembinaan hospital ini yang sepatutnya disiapkan pada pada 2011 tetapi di tunda ke hujung 2013.

Beliau juga pernah hantar petisyen yang ditandatangani orang ramai kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menuntut satu tindakan konkrit bagi menyelesaikan masalah pembinaan hospital itu, termasuk memecat Menteri Kerja Raya.



Tempoh siap Hospital Shah Alam terus jadi tanda tanya orang ramai

Banteras hostel haram warga asing

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan mengadakan operasi besar-besaran bagi membanteras pembinaan hostel haram yang menempatkan warga asing di sekitar bandaraya itu.

Datuk Bandar MBSA, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan berkata, pihaknya sudah berbincang dengan Ketua Polis Negeri untuk menyelaraskan sekurang-kurangnya satu operasi yang melibatkan banyak agensi.

Katanya, MBSA banyak menerima aduan dari orang ramai dan Adun kawasan yang mendakwa banyak rumah-rumah kedai diubahsuai oleh pemilik menjadi hostel pekerja

warga asing.

"Kami memandang serius perkara ini, kita tidak mahu sebarang kecelakaan berlaku yang boleh menyebabkan kematian.

"Dalam masa yang sama kita juga akan mengetahui mereka ini pendatang tanpa izin (PATI) atau sebaliknya," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat penuh bulanan MBSA.

Jaafar berkata, pemilik premis akan dikenakan tindakan tegas sekiranya didapati bersalah.

Dalam pada itu, Jaafar berkata pihaknya juga akan membuat serbuan di premis perniagaan warga asing.

MBPJ laksana operasi 'kunci tayar'

PETALING JAYA - Bagi memastikan pengguna mematuhi peraturan meletakkan kenderaan di tempat yang sepatutnya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan melaksanakan operasi mengunci tayar kende-

raan (clamping) di kawasan se-liannya.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan MBPJ, Fauzi Maarop berkata, tindakan itu bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya mengenai kesalahan yang dilakukan.

Menurutnya, operasi itu akan dijalankan di kawasan-kawasan komersial (pusat bandar) bermula di Jalan Cantik, Sekyen 8, Seksyen 14 dan SS2.

"Kawasan yang digazetkan sebagai 'clamping zone' ini juga akan digazetkan sebagai kawasan tarik kereta (towing). Ia bermakna, kedua-dua tindakan ini kita boleh buat serentak.

"Kita juga akan keluaran notis kepada pemilik kenderaan

sebagai pemberitahuan. 'Clamping' akan dilakukan sehingga jam 6 petang. Sekiranya lebih daripada waktu itu, kenderaan yang diletakkan di tempat tidak sepatutnya akan ditarik," katanya.

Beliau berkata, pemilik kenderaan yang dikenakan tindakan itu perlu membayar kompaun serta merta kepada pegawai penguatkuasa yang bertugas.

"Setakat ini kita mempunyai 50 unit 'clamping' dan kita sudah menempah lebih 100 unit lagi. Sekiranya kesalahan itu melibatkan 'double parking', maka kita akan terus tarik sahaja kenderaan mereka. Kita akan beri notis dua minggu lebih awal sebelum memulakan operasi ini," katanya lagi.

INFO OPERASI CLAMPING & TOWING

- Perintah Pengangkutan Jalan MBPJ 2007
- Clamping bayaran denda RM100
- Towing bayaran RM310



Penguasa MPK sedang menyita barang-barang yang dirampas

Premis siber haram 'kantoi' diserbu MPK

Oleh NORHAYATI UMOR

KLANG - Promosi RM1 sejam bagi permainan video oleh sebuah premis pusat siber haram berjaya dihidu Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Hasil serbuan itu sebanyak 120 unit peralatan pusat siber disita termasuk komputer serta beberapa barangan lain dalam satu operasi khas baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPK, Shahrul Hazri Abd Majid berkata premis terbabit bertindak mempamerkan lesen yang didaftarkan di Taman Sri Mewah, Jalan Kota Raja, se-

dangkan premis itu beroperasi di Taman Sementa Utama, Kapar.

Katanya, premis terbabit sentiasa menjadi tumpuan para pelajar kerana ia menawarkan harga promosi yang cukup murah iaitu RM 1 setiap sejam serta turut menyediakan permainan komputer terbaru untuk pengunjung.

Beliau berkata ketika serbuan dilakukan penguatkuasa MPK, terdapat 10 pelajar sekolah yang masih di bawah umur leka bermain permainan komputer di pusat siber yang baru dibuka itu.

Tindakan itu diambil di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3 Pusat Siber dan Kafe Siber MPK

2007 yang boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 dan sekiranya sabit kesalahan, pemilik boleh dikenakan penalti sehingga RM2,000.

Sehubungan itu, katanya, operasi seperti itu akan diteruskan bagi memastikan tiada pihak ingkar dengan undang-undang dan pada masa yang sama membendung gejala yang boleh merosakkan generasi muda.

"Selain daripada itu, pementauan juga akan diadakan dari masa ke semasa terhadap premis ini kerana tindakannya ternyata membelakangi undang-undang yang ditetapkan majlis," katanya.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my

Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip

"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

www.mps.gov.my

Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

www.mbsa.gov.my

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

www.mpsj.gov.my

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my

Tel: 03-79542020 (24-jam hotline)/ 03-79563544 (am)

SMS: Taip "MBPJADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213



**MERAKYATKAN EKONOMI
SELANGOR (MES)**

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City,
I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul
Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan
Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095
atau 03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan
Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000,
Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.
Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi
dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.
Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor,
Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

SKIM KESIHATAN WANITA
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G,
Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300
Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2,
Bangunan SultanSalahuddin Abdul Aziz Shah, 4000,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829 Laman Web http://www.skimsel.com

PUSAT DIALISIS RAKYAT
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G,
Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PUSAT TUISYEN RAKYAT
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber
Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com

Dana untuk PWB akan ditingkatkan

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Mulai tahun hadapan, peruntukkan untuk Pusat Wanita Berdaya (PWB) akan ditambah bagi merencanakan aktiviti sosio ekonomi berikutan sambutan yang menggalakkan di 44 pusat di Selangor.

Exco Kebajikan, Kebudayaan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail berkata, banyak program menarik akan ditambah termasuk program tersusun untuk menjana pendapatan dan penguasaan kewangan keusahawanan kecil.

Manakala bagi program yang tidak tersusun, antaranya kursus masakan, menjahit dan teknologi maklumat, boleh diajar oleh penyelia pusat atau berkongsi sesama lain.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM1.33 juta melalui Geran Selangorku, termasuk peruntukan peralatan seperti komputer, masakan dan jahitan.

"Peruntukan itu diberi secara berperingkat, saya sendiri menyumbangkan satu per tiga, iaitu RM150,000



PWB lebih rancak dengan pelbagai program sosio ekonomi tahun depan

daripada jumlah peruntukkan DUN untuk program di pusat DUN saya," katanya yang juga Adun Batu Tiga.

Tambahnya, kebanyakan wanita yang tampil untuk menghidupkan pusat itu bukan hanya memikirkan konteks kewangan, tetapi mahu memperkembangkan atau berkongsi kepakaran sedia ada.

"Kita lebih berkonsepkan untuk wanita berkumpul bukan 'bergo-

sip'. Mulai tahun depan saya mahu melihat semua pusat itu perlu ada pengisian. Oleh itu, pembangunan yang berkapasiti mesti dirancang dgn baik," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma di Dewan PWB, Seksyen 24, di sini.

Dijangka kesemua 56 DUN akan mempunyai satu PWB pada akhir tahun ini.

TNB perlu ambil tindakan tegas buang sampah haram



Gwo Burne turun padang meninjau kawasan tapak pembuangan sampah haram tersebut

PETALING JAYA - Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu bertindak tegas ke atas sikap tidak bertanggungjawab pihak-pihak tertentu membuang sampah di tapak kepunyaan mereka.

Ahli Parlimen Kelana Jaya, Gwo-Burne Loh, berkata demikian semasa turun meninjau keadaan tapak itu selepas menerima aduan daripada penduduk Taman Desaria PJS 5.

"Kita harap Tenaga Nasional Berhad dapat bekerjasama menyelesaikan masalah ini kerana tanah itu adalah milik mereka," kata Gwo-Burne.

Beliau juga minta agar Majlis Ban-

daraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil tindakan segera menutup tapak pembuangan tersebut.

Ketika ini kira-kira 500 penduduk Taman Desaria, Kelana Jaya terpaksa mengharungi bau busuk setiap hari dari tapak pembuangan sampah haram yang terletak kurang 100 meter dari rumah mereka.

Tapak tersebut yang terletak di tebing Sungai Penchala dipercayai sudah beroperasi sejak sebulan lalu dan dikunjungi kira-kira 30 buah lori sampah.

Menurut Ahli Majlis Zon 24

MBPJ, Azman Yusof, pihak yang membuka tapak itu turut melakukan pembakaran sampah pada waktu petang yang menghasilkan asap berbau busuk.

Lori-lori sampah juga dipercayai mengunjungi tapak itu pada waktu malam bagi mengelakkan operasi itu dikesan pihak berkuasa.

"Penduduk sekitar terganggu dengan keadaan busuk itu yang juga boleh memudaratkan kesihatan.

"Saya mahu tindakan penyelesaian disegerakan dalam tempoh terdekat agar tapak pembuangan sampah haram itu ditutup," katanya.

JAIS boleh siasat Izzah untuk lerai kekeliruan

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, mengalu-alukan siasatan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) terhadap Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah (*gambar*) Anwar berhubung dakwaan menyokong kebebasan beragama.

Dalam satu sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, beliau menganggap ia langkah positif untuk membuka perbincangan sesama Islam dan menguatkan persefahaman ummah.

"Menjadi tanggungjawab Jais untuk pro-aktif dan memahami maksud sebenar kenyataan Nurul Izzah, seterusnya menyelesaikan sebarang kekeliruan supaya tiada perbezaan

pemahaman.

"Satu perkara yang jelas ialah, tiada orang Islam yang mahukan saudara Islamnya meninggalkan agama kerana adalah menjadi tanggungjawab orang Islam untuk menjaga masyarakat Islam lain dengan lebih baik," katanya.

Beliau juga menyokong dan memuji kesediaan Nurul Izzah untuk berjumpa Jais bagi menerangkan maksud sebenar di sebalik ucapannya yang didakwa diputarbelitkan oleh media dan penulis blog.

"Saya dapati ada sesetengah laporan berita yang lari konsep awal (maksud sebenar) termasuk Utusan



Malaysia yang menyiarkan laporan seolah-olah kenyataan Nurul Izzah itu ke arah 'kenerakaan'.

"Pada saya ini perkara ini tidak betul dan kita perlu selesai dengan baik demi kebaikan umat Islam bersama," katanya.

Izzah sebelum ini, dalam satu forum di Subang Jaya didakwa berkata bahawa tiada paksaan wajar dikenakan dalam beragama.

Susulan kenyataan tersebut, Pengerah Jais, Marzuki Husin berkata, tindakan boleh dikenakan ke atas Izzah jika didapati bersalah mengeluarkan kenyataan yang boleh memesongkan akidah.

dari muka 16

Kes pencemaran diberi perhatian

Peningkatan paling besar dicatat Sungai Klang yang naik daripada 53 peratus, iaitu kategori tercemar kepada 72 peratus dalam kategori sederhana tercemar.

Fakta tersebut bagi menjawab dakwaan daripada beberapa pihak yang mendakwa keadaan sungai yang tercemar mengugat bekalan air terawat memandangkan sungai merupakan sumber kepada loji rawatan air di Selangor.

Secara amnnya, Elizabeth berkata, setiap kes pencemaran akan diberi perhatian dan tindakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (Luas) supaya tidak menjejaskan keperluan rakyat.

"Ini tiada kompromi, kes yang melibatkan syarikat ternama seperti dilaporkan Luas dan Jabatan Alam Sekitar juga kini sedang menanti difailkan di mahkamah," tegas beliau.

Menurutnya lagi, Luas menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Selangor dan Pasukan Petugas Pengawal Pencemaran untuk menjalankan pemantauan.

Bagi kes-kes kecemasan seperti pencemaran yang memerlukan arahan henti tugas loji, tindakan segera akan diambil oleh Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Selangor.



Elizabeth

PANDAN INDAH - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor disaran membuat pemantauan secara berkala terhadap akaun kutipan tapak pasar pagi dan pasar malam di kawasan masing-masing bagi memastikan pengurusannya berjalan lancar.

Demikian tegas Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai PBT (JPK-PBT), Haniza Talha, semasa mengadakan pendengaran tertutup bersama Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) di Menara MPAJ.

Menurut Haniza, PBT bertanggungjawab memaklumkan kepada JPK-PBT berkaitan pengurusan kedua-dua pasar serta menerangkan bagaimana pengalihan kutipan bagi setiap tapak pasar dibelanjakan.

Seperti MPAJ, katanya, peniaga dikenakan bayaran RM4 untuk setiap petak di mana RM1 diberikan kepada Majlis manakala selebihnya kepada JKP untuk kerja-kerja pembersihan, keselamatan serta program kemasyarakatan.

"Tujuan kami membuat pendengaran tertutup ini adalah untuk memastikan sama ada pengambil alihan pengurusan pasar malam dan pasar pagi dijalankan atau tidak. Kedua untuk melihat bagaimana akaun kutipan itu dibuat.

"Berdasarkan laporan yang diterima, hanya sembilan daripada 18 JKP menghantar laporan akaun kepada pihak Majlis untuk disemak. Oleh itu, kita tegaskan dalam minggu ini mereka perlu serahkan

PBT perlu pantau akaun kutipan tapak pasar



Adun Teratai, Jenice Lee, Adun Taman Medan, Haniza Talha dan Adun Teluk Datuk, Philip Tan, selepas mengadakan pendengaran tertutup bersama MPAJ dan Jawatankuasa Penduduk (JKP)

kesemua laporan atau kebenaran menguruskan pasar akan ditarik semula," katanya.

Hadir sama, Adun Teratai, Jenice Lee, Adun Batu Caves, Amiruddin Shari dan Adun Teluk Datuk, Philip Tan.

Difahamkan, MPAJ di bawah pengurusan JKP mengendalikan 30 lokasi pasar malam di sekitar kawasan itu, manakala 10 petak pasar pagi diuruskan oleh persatuan peniaga.

Dalam sidang media sama, Haniza turut mengingatkan MPAJ supaya

mengambil alih sepenuhnya pengurusan pasar pagi di kawasan itu selewat-lewatnya awal tahun depan.

Katanya, ia bagi memastikan supaya peniaga tidak dikenakan caj melampau ke atas sewaan petak.

"Persatuan tidak berhak untuk kutip sewa tapak. PBT perlu ambil alih semua tapak itu selewat-lewatnya tahun depan. Arahan ini dikeluarkan Exco dalam Mesyuarat Tertinggi Exco Selangor (MTES) pada Mei lalu," katanya lagi.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
9 - 16 NOVEMBER 2012							
24 ZULHIJAH 1433 - 2 AWAL MUHARRAM 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
2 Jumaat	5:30	5:40	6:59	1:00	4:21	6:58	8:10
3 Sabtu	5:30	5:40	6:59	1:00	4:21	6:58	8:10
4 Ahad	5:30	5:40	6:59	1:00	4:21	6:58	8:10
5 Isnin	5:30	5:40	6:59	1:00	4:22	6:58	8:10
6 Selasa	5:30	5:40	7:00	1:00	4:22	6:58	8:10
7 Rabu	5:30	5:40	7:00	1:01	4:22	6:58	8:10
8 Khamis	5:30	5:40	7:00	1:01	4:22	6:58	8:10
9 Jumaat	5:30	5:40	7:00	1:01	4:23	6:58	8:10

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
2 Jumaat	5:32	5:42	7:01	1:02	4:23	7:00	8:12
3 Sabtu	5:32	5:42	7:01	1:02	4:23	7:00	8:12
4 Ahad	5:32	5:42	7:01	1:02	4:23	7:00	8:12
5 Isnin	5:32	5:42	7:01	1:02	4:24	7:00	8:12
6 Selasa	5:32	5:42	7:02	1:02	4:24	7:00	8:12
7 Rabu	5:32	5:42	7:02	1:03	4:24	7:00	8:12
8 Khamis	5:32	5:42	7:02	1:03	4:24	7:00	8:13
9 Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:03	4:25	7:00	8:13

Kualiti air sungai di Selangor memuaskan

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sungai yang merupakan sumber air kepada loji rawatan di Selangor berada di tahap memuaskan dengan se-setengah sungai mencatatkan peningkatan dari segi kualiti air.

Exco Selangor, Elizabeth berkata, tahap pencemaran sumber air negeri setakat ini masih terkawal dengan indeks kualiti air sentiasa meningkat saban tahun bermula 2000 sehingga tahun ini.

“Mengikut laporan, indeks kualiti air meningkat di tiga sungai utama negeri iaitu Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Klang,” jelas Elizabeth yang menjaga portfolio Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar.

Menurut Elizabeth, Sungai Langat mencatat peningkatan indeks kualiti air daripada 68 peratus kepada 76 peratus dalam kategori sederhana tercemar.

Sementara itu, Sungai Selangor pula berada dalam kategori kelas kedua; kategori bersih setelah mencatat peningkatan daripada 81 peratus kepada 86 peratus.



BANTERAS... sembilan buah kedai makan dan kafe yang diuruskan warga asing diserbu penguatkuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), polis dan Jabatan Imigresen Selangor, dalam operasi di sekitar kawasan Seri Muda, Shah Alam. Seramai 15 orang warga asing ditahan kerana gagal menunjukkan bukti pengenalan diri yang sah.

[Lihat muka 15](#)

Selamat Menyambut
DEEPAVALI
இனிய தீபாவளி நல்வாழ்த்துகள்

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas daripada
Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim
Dato' Menteri Besar Selangor